

Musa

seru

KL-Thai

saling

imbang

projek

BANGKOK, Isnin — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata Malaysia dan negeri Thai hendaklah berusaha mengimbangkan pertumbuhan ekonomi di sebelah sempadan masing-masing di kawasan sempadan bersama bagi menjamin rakyat di satu kawasan tidak merasa lebih gembira atau puas hati dari kawasan di sebelahnya.

Katanya, konsep pembangunan seimbang mempunyai peranan penting dalam usaha kedua-dua negara membanteraskan pengganas komunis yang bergerak di sepanjang sempadan Malaysia-Thai. Timbalan Perdana Menteri, yang sedang melawat dua hari ke negeri Thai, berucap kepada kira-kira 100 wartawan asing dan para diplomat di satu jamuan tengah hari yang diadakan oleh kelab wartawan asing negeri Thai.

Datuk Musa berkata adalah jelas parti-parti komunis negeri Thai dan Malaysia yang diharamkan itu tidak akan menghentikan usaha meretakkan ikatan kuat persahabatan yang terjalin antara kedua-dua negara itu.

Ancaman

Walaupun usaha-usaha bersama untuk mengawal kegiatan komunis itu telah berhasil, namun kedua-dua negara tidak boleh berpuas hati, tegasnya.

Katanya, "Peperangan kita terhadap pengganas komunis hendaklah dijadikan satu perkara keutamaan yang tidak harus dipersoalkan bagi kedua-dua pihak."

Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Malaysia menganggap parti Komunis Malaya sebagai "Satu-satunya ancaman terbesar kepada keselamatan kami."

"Akhirnya, kita tidak dapat menerima satu keadaan di mana pengganas-pengganas komunis boleh secara bebas menyeberangi masuk ke sempadan-sempadan kita untuk menyerang kita dan mengembang-besarkan ancaman mereka." - Bernama.